

KENYATAAN MEDIA

22 MEI 2020

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Mengajak Orang Ramai Utamakan Keselamatan Elektrik Dan Gas Di Musim Perayaan

Putrajaya, 22 Mei – Dalam memerangi wabak Covid-19, Kerajaan ketika ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di mana kebanyakan orang ramai akan berada lebih lama di kediaman masing-masing. Dalam tempoh ini, penggunaan elektrik dan gas di kediaman pasti meningkat kerana penggunaannya oleh isi rumah adalah lebih kerap atau lebih lama berbanding kebiasaan. Menjelang Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, penggunaan elektrik akan turut meningkat bagi membuat persiapan Hari Raya dan kerana itu aspek keselamatan elektrik dan gas perlu diambil perhatian oleh masyarakat bagi memastikan keselamatan diri dan keluarga sentiasa terkawal. Sehubungan itu, Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mengingatkan masyarakat agar sentiasa mengutamakan keselamatan dan mengamalkan tips seperti berikut:

Keselamatan Elektrik

1. Guna peralatan elektrik yang diluluskan dan mempunyai label keselamatan SIRIM-ST.
2. Pastikan peralatan elektrik dalam keadaan sempurna dan elak daripada mengubahsuai peralatan elektrik yang rosak.
3. Elak daripada menekan suis elektrik dengan tangan yang basah.
4. Elak daripada menggunakan telefon bimbit ketika ia sedang dicas.
5. Elak daripada membebankan soket alir keluar dengan palam dan peralatan yang berlebihan.
6. Pastikan semua suis dan peralatan elektrik yang tidak diperlukan dimatikan sekiranya anda tiada di rumah.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

7. Jangan menggantung perhiasan perayaan pada tiang/talian elektrik atau pepasangan elektrik.
8. Uji Peranti Arus Baki (PAB) atau disebut juga ‘suis automatik’ pada papan suis utama, dengan menekan butang uji ‘T’ sekurang-kurangnya sekali sebulan. Jika PAB berfungsi dengan baik, ia akan terpelantik dan bekalan elektrik akan terputus serta-merta. PAB yang berfungsi dengan baik akan dapat melindungi pengguna daripada terkena renjatan elektrik sekiranya terdapat kebocoran arus.
9. Sekiranya PAB tidak berfungsi atau rosak, dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST untuk menggantikan PAB atau sebarang kerja ubah suai pendawaian elektrik di rumah.

Keselamatan Gas

1. Pastikan alat pengesan kebocoran gas dipasang dan berfungsi dengan baik.
2. Guna peralatan dapur gas yang diluluskan dan mempunyai label keselamatan SIRIM-ST.
3. Pastikan peralatan dapur gas dalam keadaan sempurna/tidak rosak/tidak cacat.
4. Pastikan injap gas ditutup sekiranya anda tiada di rumah/tidak digunakan.
5. Elak daripada meletakkan barang-barang yang panas di atas silinder gas.
6. Elak daripada membaringkan silinder gas ketika memasak.
7. Dapatkan perkhidmatan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST untuk kerja pembaikan perpaipan gas di rumah.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03 8870 8598/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.